



BUKU PANDUAN COVID-19 UNTUK TAPAK OPERASI

SEAGATE KOMITED UNTUK MELINDUNGI KESIHATAN DAN KESELAMATAN TENAGA KERJA DAN OPERASI PERNIAGAAN KITA DALAM MENGHARUNGI SITUASI COVID-19 YANG SENTIASA BERUBAH

Maklumat yang terkandung dalam Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi mewakili dasar, amalan dan protokol global Seagate yang digunakan untuk melindungi kemudahan, pekerja, kontraktor dan pelawat. Perincian mungkin berbeza mengikut lokasi, keperluan undang-undang pentadbiran dan tapak operasi.

Dengan menyediakan salinan kepada semua pekerja Seagate, buku panduan ini juga akan disediakan kepada semua kontraktor dan pelawat yang memasuki tapak operasi kita bagi memastikan mereka juga memahami amalan kesihatan dan keselamatan serta protokol yang mereka perlu ikuti apabila memasuki salah satu tapak operasi Seagate.

Kandungan ini selaras dengan garis panduan dan saranan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

BUKU PANDUAN COVID-19 UNTUK TAPAK OPERASI: PENGURUSAN PERUBAHAN

Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi telah dihasilkan oleh pasukan pengurusan Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi yang diusahakan melalui kerjasama dan perkongsian dengan fungsi-fungsi perniagaan kita, termasuklah Sumber Manusia, Kesihatan & Keselamatan Alam Sekitar (EHS), Kemudahan, Keselamatan Korporat, Kewangan, Teknologi Maklumat (IT) dan Perundangan.

Sebagai komitmen berterusan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua pekerja, kontraktor dan pelawat Seagate, Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi ini akan dinilai semula dan dikemas kini untuk mencerminkan perubahan dalam dasar, amalan dan protokol Seagate, dan apabila panduan baharu diperoleh daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pembekal Kandungan/PKS		Pengurusan Program		Perunding/Penyemak	
- Kemudahan (Operasi) - Kemudahan (Bukan Operasi) - Keselamatan - EHS/OH - Sumber Manusia (Asia) - Sumber Manusia (AS, EMEA) - IT	Pete Wentzel Mike Ross Wendy Eidem-Liggett Errin Anderson Wipa Laung-On Kristin Aberg; Lisa Bustichi Ophir Danieli; Tsilil Zinger	- Champion - Sokongan Ketua Pasukan - Pengurus Projek - Penghubung CMT	Joan Motsinger Kie Pitiphat Amy Ericson Chris Peterson	Pusat Maklumat Bersama (JIC) - Dalaman - Luaran - Hubungan Pelabur (IR) - Perundangan	Richard Kanes; George Paris Greg Belloni; Jennifer Bradfield Shayne Hudson; Jingling Chen Steve M Haines Laurie Webb Roshen Prasad Michelle Gregory Catherine Wahlgren



Pesanan daripada Kepimpinan

Pelawat, Kontraktor dan Pekerja Seagate,

Ketika kita menerokai “kebiasaan baharu” di tengah-tengah pandemik global, fokus kita adalah untuk sentiasa mengutamakan insan. Syarikat telah menghasilkan Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi ini sebagai panduan yang berguna bagi memastikan pemahaman oleh pelawat, kontraktor dan pekerja tentang protokol kesihatan dan keselamatan kita semasa menempuhi pandemik ini. Buku Panduan ini merupakan usaha sama pelbagai pasukan fungsian yang dihasilkan untuk menggariskan protokol dan prosedur semasa yang ada di kemudahan kita.

Garis panduan kerajaan telah digabungkan ke dalam Buku Panduan ini, di samping amalan terbaik industri untuk membantu memastikan bahawa kemudahan Seagate adalah selamat untuk semua orang yang datang ke tapak operasi kita. Syarikat telah melaksanakan prosedur pengimbasan suhu, Pengisytiharan Kesihatan, prosedur pembersihan menyeluruh dan penambahan akses kepada pensanitasi tangan. Amalan penjarakan sosial/selamat dan jadual syif secara berperingkat telah diamalkan untuk mengurangkan kontak, dan kita perlu memakai pelitup muka sekiranya penjarakan sosial adalah mustahil atau tidak praktikal dan menurut peraturan tempatan.

Sama seperti kesihatan fizikal kita, kesejahteraan mental juga adalah penting. Syarikat menggalakkan pekerja untuk mengambil kesempatan terhadap Program Bantuan Pekerja, jika ada, dan sumber lain yang tersedia untuk membantu pekerja menempuhi krisis ini.

Setiap seorang daripada kita memainkan peranan yang penting dalam menjaga persekitaran kerja yang selamat dan kita semua harus tetap waspada dan komited untuk mengurangkan risiko. Pada waktu yang tidak menentu ini, kita tetap komited dengan tenaga kerja dan rakan perniagaan luaran kita, dan sentiasa menghargai setiap seorang daripada anda. Syarikat yakin bahawa kita akan menjadi pasukan yang lebih kuat, lebih padu dan berdaya tahan apabila kita mara bersama-sama.


Misi Didahulukan, Insan Diutamakan!



Joan Motsinger, Naib
Presiden Kanan (SVP)
Kecemerlangan Perniagaan



Patricia Frost, Naib Presiden Kanan (SVP),
Sumber Manusia, Komunikasi Dalaman
Penglibatan Komuniti



Kate Schuelke, Naib Presiden Kanan (SVP),
Ketua Pegawai Perundangan & Setiausaha
Korporat

Pasukan Krisis Perusahaan Seagate

Misi

Sejak awal pandemik COVID-19, misi Seagate adalah untuk bertindak dengan penuh berhati-hati bagi menjaga kesihatan dan keselamatan tenaga kerja serta melindungi kelangsungan operasi perniagaan kita.

Seiring dengan perkembangan pandemik global, komitmen Seagate untuk mengurangkan risiko terhadap tenaga kerjanya di seluruh dunia dan komitmen kepada rakan perniagaan luaran kita tetap menjadi keutamaan apabila kita terus beroperasi dalam keadaan yang baharu dan mampan.

Prinsip Panduan

MENGUTAMAKAN INSAN

Menjaga Kesihatan dan Keselamatan Pekerja, Kontraktor dan Pelawat kita

OPERASI MAMPAN

Mengekalkan Operasi Perniagaan yang Tangkas meliputi Pelanggan, Pembuatan, Rantaian Bekalan dan Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

MENDUKUNG NILAI-NILAI KITA

Mengekalkan Nilai dan Reputasi Seagate melalui Tindakan Kita



Pengaktifan Pasukan Krisis Perusahaan dan Pengurusan COVID-19

Kita telah mengaktifkan Pasukan Krisis Perusahaan pada peringkat awal wabak pandemik untuk menetapkan langkah-langkah yang memastikan perlindungan pekerja, kontraktor dan pelawat serta tapak operasi di seluruh dunia. Proses ini merangkumi usaha memantapkan dan mendukung misi kita dengan berhati-hati sepenuhnya dan berterusan serta memastikan penyelarasan operasi supaya pembuatan keputusan dan tindakan adalah berkesan dan mudah diurus. Pasukan ini bersifat bersilang fungsian dan diketuai oleh Ketua Pasukan Krisis Perusahaan kita.

KANDUNGAN

PESANAN DARIPADA KEPIMPINAN	4
KESIAPSIAGAAN SEAGATE: GAMBARAN KESELURUHAN	8
KESEDIAAN TAPAK OPERASI	11
KESEDIAAN PEKERJA UNTUK BEKERJA DI TAPAK OPERASI	22
LANGKAH PENGURANGAN COVID-19 YANG BERKESAN	31
BEKERJASAMA UNTUK KEKAL SIHAT	37
PAUTAN DAN SUMBER UTAMA	47

PANDUAN PENGGUNA

Buku panduan ini adalah dalam format PDF tradisional yang membolehkan anda melihat kandungan halaman demi halaman. Pautan ke sumber utama syarikat dan kerajaan (CDC dan WHO) disertakan di seluruh dan di akhir buku panduan untuk kemudahan capaian.

Gambaran keseluruhan setiap bahagian dan senarai isi utama disediakan dan ini membolehkan anda melihat ke kandungan yang anda perlukan dalam bahagian tersebut.

KESIAPSIAGAAN SEAGATE: GAMBARAN KESELURUHAN

Prosedur Operasi Standard Korporat Peristiwa Penyakit yang Mudah Berjangkit Seagate (CSOPEHS120) menentukan tindakan yang harus diambil oleh pelbagai kumpulan fungsian dan operasi di seluruh syarikat sekiranya berlaku wabak penyakit berjangkit di peringkat tempatan atau global. Selain itu, tapak operasi yang kritikal untuk perniagaan mempunyai rancangan khusus tapak operasi dan Pasukan Pengurusan Insiden (IMT) yang ditetapkan untuk bersiap sedia dan bertindak balas terhadap insiden jangkitan setempat.

Seagate memiliki tahap Kesiapsiagaan Fasa Pandemik yang sudah diatur dengan mempertimbangkan fasa amaran pandemik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Setiap fasa mengaktifkan pelbagai tindak balas dan aktiviti kesiapsiagaan yang akan dilakukan oleh Seagate serta fungsi dan jabatan yang berasingan.

FASA PANDEMIK SEAGATE	1	2	3
Skala Insiden	Sebilangan besar jangkitan haiwan; beberapa jangkitan manusia; Kesedaran tentang penyakit berjangkit di kalangan penduduk tempatan	Penularan manusia ke manusia yang berterusan	Jangkitan manusia yang meluas
Kesan Syarikat	Minimum	Pendedahan terhad terutamanya disebabkan oleh perjalanan	Peningkatan pendedahan ke seluruh tapak
Tugas Keutamaan	Pemantauan	Tingkatkan kebersihan dan pemantauan diri	Cegah pendedahan besar-besaran di kemudahan

GAMBARAN KESELURUHAN PROTOKOL COVID-19

KESIHATAN ANDA DIUTAMAKAN

Sama ada bekerja di tapak operasi atau di rumah, kesihatan dan keselamatan anda merupakan keutamaan kita. Dengan mengikuti panduan daripada pakar kesihatan global, kita telah membangunkan beberapa sumber termasuk Buku Panduan COVID-19 untuk Tapak Operasi, sebuah video yang memperincikan perkara yang perlu dijangkakan apabila kembali ke tapak operasi Seagate, latihan, proses dan maklumat yang dikomunikasikan.

LANGKAH-LANGKAH YANG KITA TELAH AMBIL

Untuk memastikan anda kembali ke persekitaran kerja yang selamat, kita telah melaksanakan perkara yang berikut:

- Meningkatkan pembersihan dan menyahjangkit di semua kawasan umum – termasuk kawasan rehat dan makan tengah hari, bilik pasukan, pintu masuk, bilik persalinan, tandas dan banyak lagi.
- Mewujudkan stesen pensanitasi tangan di kawasan lalu lintas tinggi.
- Menetapkan garis panduan penjarakan sosial yang selamat dan wajar – termasuk anak panah arah, kapasiti maksimum di bilik persidangan, sesekat dan syif secara berperingkat.
- Keperluan Kelengkapan Perlindungan Diri untuk semua pekerja, kontraktor dan pelawat Seagate (termasuk memakai penutup muka).
- Mengehendkan perjalanan, penyertaan dalam pameran perdagangan dan lawatan ke tapak operasi pelanggan.

PENGISYTIHARAN KESIHATAN HARIAN

Amalkan kebersihan yang baik, ikuti garis panduan penjarakan sosial dan duduk di rumah jika anda menunjukkan gejala Covid-19.

Semua pekerja, kontraktor dan pelawat dikehendaki melengkapkan Borang Pengisytiharan Kesihatan Harian untuk masuk ke Tapak Operasi Seagate.

PEMERIKSAAN SUHU

Apabila memasuki mana-mana Tapak Operasi dan R&D Seagate, semua pekerja, kontraktor dan pelawat akan diminta untuk menjalani pemeriksaan suhu tanpa sentuhan. Sekiranya peningkatan suhu (demam) dikesan, individu itu akan diminta untuk meninggalkan tapak operasi dengan segera, menghubungi pengurus mereka atau Penaja Seagate dan mengikuti semua arahan yang diberi sebelum kembali bekerja. Semua pekerja diminta untuk memantau sendiri suhu mereka dan duduk di rumah jika suhu mereka meningkat (demam).

PENJARAKAN SOSIAL



Langkah-langkah penjarakan sosial siap ditetapkan dan jarak yang selamat dijaga setiap masa.

Kawasan umum, stesen kerja dan makmal akan dinilai secara berterusan untuk memastikan penjarakan sosial yang mencukupi di semua tapak operasi.

PELITUP MUKA PENUTUP MUKA



Pelutip muka/penutup muka wajib digunakan di semua tapak operasi. Penutup muka memainkan peranan penting untuk melindungi kita daripada penyebaran titisan pernafasan yang berjangkit.

REHAT DAN MAKAN



Peralatan dan mesin layan diri di stesen rehat adalah tersedia untuk digunakan. Pekerja diminta mencuci tangan sebelum dan selepas setiap penggunaan.

PENUTUPAN HAD KAPASITI

Kawasan umum seperti pusat kecergasan di tapak operasi, tempat duduk di kawasan rehat, ruang makan kafeteria/kantin dan bilik persidangan telah ditutup atau mungkin mempunyai kapasiti terhad di beberapa tapak operasi. Kawasan lain mungkin ditutup atau mempunyai akses terhad mengikut tapak demi tapak.

PEMBERSIHAN PEJABAT DAN MAKMAL



Kita telah meningkatkan kekerapan pembersihan dan pensanitasi di semua tapak operasi kita. Kawasan permukaan yang kerap disentuh seperti tombol pintu, butang lif dan lain-lain, dibersihkan dan dinyahjangkit secara berkala.

Sebagai tambahan, tisu basah IPA digunakan sebagai pensanitasi sekunder untuk peralatan makmal. Sila hubungi kontak EHS tempatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tisu basah IPA.

GAMBARAN KESELURUHAN PROTOKOL COVID-19

GEJALA DI TEMPAT KERJA

Sekiranya anda mengalami gejala di tempat kerja:

- **Kekalkan jarak sosial yang sesuai dari orang lain di sekitar anda.**
 - **Ikuti proses perubatan kecemasan di tapak operasi; jika tidak, maklumkan kepada pengurus anda, Penaja Seagate dan bahagian Sumber Manusia (HR/HRC).**
 - **Pulang ke rumah dan hubungi penyedia penjagaan kesihatan anda.**
 - **Laporkan kes yang disyaki (berpotensi) atau disahkan kepada pengurus dan HR/HRC tempatan anda.**
-

PERANAN ANDA

Untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua, kita perlu bekerjasama sebagai satu Seagate. Buat komitmen untuk:



Basuh tangan anda dengan sabun dan air dengan tetap sekurang-kurangnya selama 20 saat. Gunakan pensanitasi tangan apabila sabun dan air tidak tersedia.

- **Baca dan fahami semua maklumat yang dikomunikasikan.**
 - **Jawab Pengisytiharan Kesihatan Harian dengan jujur dan duduk di rumah jika anda menunjukkan tanda atau gejala.**
 - **Ikuti garis panduan penjarakan sosial yang ditetapkan.**
 - **Sentiasa pakai pelitup muka anda (melainkan bersendirian di lokasi bebas pelitup muka yang diluluskan – seperti kubikel atau pejabat yang ditentukan untuk anda).**
 - **Turut serta melakukan kerja-kerja pembersihan dan nyahjangkit di stesen kerja anda.**
 - **Batuk atau bersin pada tisu atau siku anda dan basuh tangan anda dengan segera.**
 - **Kemukakan pertanyaan, kongsi cadangan dan utamakan kesihatan dan kesejahteraan diri sendiri, keluarga dan rakan sekerja anda.**
-

PAUTAN BERMANFAAT

Kembali Bekerja

Latihan Kesedaran COVID-19 (AS + EMEA)

Latihan Kesedaran COVID-19 (Asia - Bahasa Inggeris)

Pusat Sumber Pekerja Koronavirus

KESEDIAAN TAPAK OPERASI

Pengawalan Tapak Operasi di Tapak yang Disewa

Apa yang Kita Lakukan untuk Memastikan
Kemudahan Kita Selamat

Apa yang Boleh Dilakukan oleh Individu
untuk Menyokong dan Memelihara
Protokol Kemudahan Kita

Langkah Pembersihan/Penyahjangkitan

Strategi Penjarakan Sosial/Selamat

Memandu Arah, Memasuki dan Keluar dari
Kemudahan

Proses Masuk Semula ke Tapak Operasi

Peminjaman dan Pemulangan Peralatan Pekerja

Tech Hub dan Pelarasan COVID-19



Pengawalan Tapak Operasi di Tapak yang Disewa

Seagate telah bekerjasama dan menyampaikan keperluan kesihatan dan keselamatan kita kepada pemilik bangunan/pengurus hartanah tentang kawalan mereka untuk memastikan bahawa pekerja, kontraktor dan pelawat yang bekerja di tapak sewaan menerima tahap keselamatan pencegahan yang sama seperti yang dilaksanakan di tapak bukan sewaan. Semua tapak sewaan telah ditinjau secara global untuk menilai perincian khusus tentang kawalan mereka dan untuk memastikan keperluan telah disampaikan secara proaktif kepada semua pemilik bangunan dan pengurus hartanah.

Sekiranya berlaku kes yang disahkan di dalam hartanah yang disewa, Seagate telah meminta untuk terus dimaklumkan mengikut keadaan bagi memastikan pengesanan kontak, pembersihan dan penyahjangkitan yang betul, dan maklumat yang dikomunikasikan telah dilakukan.

Maklumat yang terkandung dalam 'Kesediaan Tapak', digunakan untuk pembuatan, operasi, pusat reka bentuk dan tapak operasi R&D. Tapak yang disewa mungkin mempunyai kawalan tambahan tentang penjarakan sosial dan akses ke tapak operasi. Walau bagaimanapun, pekerja Seagate, kontraktor dan pelawat akan mengikuti proses yang telah ditetapkan oleh Seagate seperti yang ditunjukkan dalam buku panduan ini dan protokol kita seperti proses Pengisytiharan Kesihatan, keperluan pelitup muka/penutup muka, dll. Sila hubungi EHS atau pengurus anda jika anda mempunyai pertanyaan atau kebimbangan tentang kawalan di tapak yang disewa.



Apa yang Kita Lakukan untuk Memastikan Kemudahan Kita Selamat

Kita mahu semua individu berasa selesa melawat atau bekerja di kemudahan Seagate. Untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat, yang berikut ialah saranan amalan terbaik daripada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang kita laksanakan untuk menjadikan kemudahan kita selamat:

- Meningkatkan pembersihan dan penyahjangkitan di semua permukaan yang kerap disentuh dan kawasan umum – termasuk kawasan rehat dan kawasan makan tengah hari, bilik persidangan, pintu masuk, tandas, lif, pemegang pintu, dll.
- Melaksanakan kawalan kemasukan seperti pemeriksaan suhu di tapak operasi yang lebih besar
- Melaksanakan kawalan kemasukan seperti Pengisytiharan Kesihatan Harian
- Mewujudkan stesen pensanitasi tangan di kawasan lalu lintas yang tinggi
- Melaksanakan penjarakan sosial dan langkah-langkah kawalan bangunan untuk memastikan semua pekerja, kontraktor dan pelawat dapat kekal pada jarak yang selamat sepanjang masa
- Mereka bentuk langkah-langkah untuk mengawal aliran orang yang masuk, bekerja di dalam dan keluar dari kemudahan
- Menetapkan pintu masuk dan pintu keluar kerja yang ditentukan
- Melaksanakan syif secara berperingkat, waktu bekerja yang disesuaikan, telekerja dan rancangan pemisahan bangunan/jabatan
- Menyediakan alat pengesanan kontak untuk digunakan di tapak operasi tertentu seperti kawasan kepenggunaan tinggi seperti kafeteria/kantin
- Pengesanan kontak untuk sebarang kes COVID-19 yang disyaki atau disahkan
- Keperluan penggunaan pelitup muka atau penutup muka

Perubahan Sistem Udara Ruang Pejabat

Pasukan kejuruteraan kemudahan Seagate sedang mengkaji peluang untuk meningkatkan kualiti udara di kemudahan Seagate yang diuruskan oleh kita, merangkumi yang berikut:

- Pemasangan rawatan udara kuman UV
- Pemasangan penapis MERV 13
- Peningkatan peredaran udara/udara luar yang segar
- Membersihkan peralatan udara dengan pembersih kuman



Apa yang Boleh Dilakukan oleh Individu untuk Menyokong dan Memelihara Protokol Kemudahan Kita

Kita mengharungi ini bersama-sama. Untuk memastikan persekitaran kerja yang bersih, sihat dan selamat, kita harus bekerjasama dan memberikan komitmen untuk:

- Amalkan penjarakan sosial/selamat
- Ikuti laluan pejalan kaki dan aliran lalu lintas yang ditentukan
- Basuh tangan dengan sabun dan air beberapa kali sepanjang waktu bekerja selama sekurang-kurangnya 20 saat
- Buat pembersihan dan menyahjangkit di ruang kerja, atas meja, peralatan dan bahan dengan tetap
- Bawa pulang barang peribadi ke rumah dan kurangkan jumlah barang di sekitar ruang kerja anda
- Elakkan menyentuh permukaan yang telah disentuh oleh orang lain, hingga ke takat yang dapat dilaksanakan
- Elakkan pemindahan wang kertas semasa membayar makanan atau minuman dan pertimbangkan untuk menggunakan kad kredit atau aplikasi pembayaran sebanyak yang mungkin



Langkah Pembersihan/Penyahjangkitan

Seagate telah meningkatkan pembersihan dan penyahjangkitan yang dijadualkan di bangunan kita untuk membantu meminimumkan penularan penyakit melalui kawasan yang kerap disentuh seperti pemegang pintu, butang lif, meja, tandas, kepala paip, suis lampu, dll. Individu mempunyai tanggungjawab untuk membersihkan kawasan kerja mereka, termasuk peralatan, komputer, papan kekunci, meja, telefon, kerusi dan barang peribadi yang lain.

Agen pembersihan dan penyahjangkitan yang diterima pakai digunakan seperti yang disarankan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) dan garis panduan kerajaan tempatan.

Tahukah anda terdapat perbezaan antara pembersihan dan penyahjangkitan?

- Pembersihan ialah penyingkiran kotoran dan benda asing, termasuk kuman daripada permukaan. Pembersihan sahaja tidak membunuh kuman, tetapi dengan menyingkirkannya akan mengurangkan jumlah kuman dan oleh itu mengurangkan apa-apa risiko penyebaran jangkitan.
- Penyahjangkitan berfungsi dengan menggunakan bahan kimia untuk membunuh kuman pada permukaan. Proses ini tidak semestinya membersihkan permukaan yang kotor atau membasmi kuman, tetapi membunuh kuman yang tersisa pada permukaan selepas pembersihan dijalankan dapat mengurangkan lagi apa-apa penyebaran jangkitan.

Vendor pembersihan Seagate dilatih tentang bahaya tugas mereka, tanda dan gejala COVID-19, bahan kimia yang mereka gunakan dan cara menggunakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) mereka dengan betul.

Apabila Seagate mendapat tahu tentang mana-mana pekerja/kontraktor/pelawat yang telah didiagnosis dengan COVID-19 atau disyaki mengalami COVID-19 dan pernah berada di tapak operasi Seagate, tindakan pembersihan dan penyahjangkitan tertentu akan bermula:

- Kawasan Terjejas di tempat individu tersebut mungkin telah bekerja atau menghabiskan masa yang lama dikenal pasti
- Kawasan Terjejas dibubuh sekatan untuk mengelakkannya dari dimasuki
- Kawasan Terjejas dibersihkan sepenuhnya dan dinyahjangkiti menggunakan produk yang diluluskan

Kawasan Terjejas ialah mana-mana kawasan tempat individu terjejas telah bekerja, bermesyuarat atau makan. Ini mungkin termasuk tandas dan kawasan rekreasi. Kawasan terjejas hendaklah meliputi sehingga 2 meter radius dari kawasan kerja individu terjejas. Kawasan kerja individu terjejas harus dianggap sebagai lokasi individu terjejas telah berada di situ lebih daripada 15 minit, cth. di meja, peralatan, dll.

Panduan Penyahjangkitan dan Pembersihan Standard untuk Peristiwa Penyakit Mudah Berjangkit



Strategi Penjarakan Sosial/Selamat

Penjarakan sosial/selamat ialah amalan individu dalam menjaga ruang di antara diri mereka dengan orang lain di luar kediaman mereka. Ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan mengurangkan risiko berpotensi jangkitan manusia ke manusia.

Apa yang Dapat Individu Lakukan untuk Mengamalkan Penjarakan Sosial/Selamat

Apabila berada di tapak operasi, pekerja, kontraktor dan pelawat boleh memainkan peranan dalam menjaga keselamatan semua orang dengan mengikuti amalan terbaik yang disarankan oleh Pusat Kawalan Penyakit (CDC) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang merangkumi:

- Menjaga jarak sosial yang selamat kira-kira 1-2 meter dari orang lain setiap masa – ini termasuk kawasan umum, menunggu dalam barisan, menggunakan lif dan tangga, dll.
- Elakkan bersentuhan dengan orang lain, seperti berjabat tangan atau berpelukan dengan rakan sekerja, pelawat dan kawan-kawan
- Jangan berkumpul di mana-mana sahaja di dalam atau di luar kemudahan pada bila-bila masa
- Masuk dan keluar melalui pintu masuk dan keluar yang ditentukan sahaja – ikuti papan tanda yang tertera
- Minimumkan perjumpaan secara peribadi/perjumpaan berkumpul secara bersemuka. Mesyuarat maya harus dilakukan sekiranya boleh dengan menggunakan WebEx atau Microsoft Teams
- Sekiranya menggunakan pengangkutan awam, anggarkan ruang yang sesuai dengan penumpang lain – selang tempat duduk, selang baris

Apa yang Seagate Lakukan untuk Memastikan Penjarakan Sosial/Selamat

Untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat, yang berikut ialah amalan terbaik yang kita ikuti untuk memastikan penjarakan sosial/selamat di kemudahan:

- Tanda dipasang di lantai untuk menentukan arah lalu lintas pejalan kaki dan tempat berdiri dalam barisan
- Menutup beberapa kawasan umum
- Menghadkan bilangan individu di bilik persidangan pada satu-satu masa
- Melaksanakan sistem pengesanan pekerja di kawasan umum, pintu masuk/keluar dengan mengimbas kod QR
- Menetapkan protokol bagi jabatan untuk berehat makan tengah hari secara berperingkat
- Masa mula syif secara berperingkat untuk operasi pembuatan
- Menetapkan jumlah kerusi yang terhad di kafeteria/kantin dan menempatkannya pada jarak yang selamat di antara satu sama lain



Memandu Arah, Memasuki dan Keluar dari Kemudahan

Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan bahawa individu adalah sihat dan selamat di kemudahan kita. Yang berikut ialah amalan yang disarankan untuk diikuti oleh pekerja, kontraktor dan pelawat semasa memandu arah, memasuki dan keluar dari kemudahan:

- Masuk dan keluar di pintu masuk dan pintu keluar yang ditentukan. Gunakan pintu masuk dan pintu keluar yang paling dekat dengan stesen kerja anda untuk mengurangkan perjalanan melalui bangunan
- Proses kemasukan setiap hari memerlukan pekerja, kontraktor dan pelawat untuk mengesahkan Pengisytiharan Kesihatan mereka, memeriksa suhu dan mengesahkan bahawa pelitup/penutup muka dipakai
- Ikuti laluan pejalan kaki yang ditentukan di dalam kemudahan
- Semasa bergerak di seluruh kemudahan, amalkan penjarakan sosial/selamat dari orang lain dan sentiasa memakai pelitup/penutup muka



Proses Masuk Semula ke Tapak Operasi

Kita mengikuti panduan daripada Pasukan Krisis Perusahaan (ECT) Seagate, undang-undang dan peraturan tempatan serta badan pengawalan yang sah untuk persiapan kembali dengan selamat ke tapak operasi. Pertimbangan dan pelaksanaan kemasukan semula ke tapak operasi digariskan dalam proses yang terperinci yang anda boleh dapati di bawah. Proses ini merangkumi:

- Membangunkan strategi masuk semula ke tapak operasi oleh Kepimpinan Tapak Operasi bagi memastikan semua langkah kawalan yang wajar telah diambil di tapak operasi sebelum membenarkan pekerja, kontraktor dan pelawat untuk kembali.
- Semakan semula dengan Pemimpin ECT kita untuk memastikan semua langkah kawalan ditetapkan, strategi mematuhi undang-undang dan peraturan setempat di lokasi, berserta dengan saranan daripada ECT dipertimbangkan dan dikemas kini dalam strategi masuk semula ke tapak operasi.
- Setelah mendapat kelulusan akhir untuk strategi kemasukan semula ke tapak operasi daripada Ketua Pasukan Krisis Perusahaan kita, kemasukan semula ke tapak operasi akan bermula.

Apabila tapak operasi kita dibuka semula, kita akan terus bertindak dengan berhati-hati, memastikan kesiapsiagaan dan langkah-langkah kawalan dilaksanakan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor dan pelawat kita serta kelangsungan operasi di tapak operasi kita. Sekiranya perubahan peristiwa ketara berlaku dan memberikan kesan kepada strategi kemasukan semula ke tapak operasi, Kepimpinan Tapak Operasi akan menghubungi Pasukan Pengurusan Tapak (SMT) untuk perundingan dan semakan semula.



Peminjaman dan Pemulangan Peralatan Pekerja

Pekerja Seagate yang meminta untuk meminjam dan/atau memulangkan peralatan ke salah satu tapak operasi Seagate kita akan diminta untuk mematuhi proses yang berikut:

- Pekerja perlu memberitahu pihak pengurusan bahawa mereka akan memulangkan peralatan ke tapak operasi – Sekiranya berkenaan, pekerja harus memasukkan jenis peralatan, model, nombor siri
- Setelah memulangkan peralatan, pihak pengurusan akan mengesahkan peralatan telah dipulangkan ke tapak operasi dan mengemas kini dokumen mereka – Pengemaskinian harus dibuat sama ada dengan mengemas kini pas harta benda atau dengan mengemas kini borang 365
- Pengurus juga boleh menghubungi Pasukan Sokongan Desktop tempatan atau Keselamatan Tapak Operasi mereka untuk mendapatkan bantuan untuk mengemas kini dan/atau menutup pas harta benda

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati [Perkhidmatan IT](#)



Tech Hub dan Pelarasan COVID-19

Model sokongan baharu, Tech Hub akan memberikan sokongan Teknologi Maklumat untuk pekerja, dan direka untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik dan diperibadikan.

Apakah perkhidmatan yang disediakan di Tech Hub?

- Penyelesaian Masalah Komputer/Peranti Mudah Alih
- Penyelesaian Masalah & Pelarasan Kecil pada Komputer
- Pinjaman Komputer Riba
- Pengagihan Telefon & Komputer
- Kabel Rangkaian & Bekalan Kuasa
- Papan Kekunci Berwayar, Tetikus & Stesen Dok
- Persediaan dan tutorial komputer Pekerja Baharu
- Log Masuk, Kata Laluan & Penyelesaian Masalah Wi-Fi
- Pengimbasan/Pembersihan Virus
- Penjanaan tiket perkhidmatan akan tersedia di Tech Hub

Pelarasan Tech Hub COVID-19

- Setiap Tech Hub melaksanakan penggunaan skrin plexiglass
- Pensanitasi tangan boleh didapati di Tech Hub
- Semua peralatan yang diterima dan/atau dikeluarkan akan disanitasi
- Tanda pita ditambah untuk memastikan orang yang menunggu janji temu mereka mengekalkan jarak 2 meter
- Sistem penjadualan janji temu untuk mengekalkan penjarakan sosial

Lokasi Tech Hub Seagate

TAPAK OPERASI	LOKASI	WAKTU
FRC	Fremont, Green Zone 7 berhampiran El Capitan Conference Room	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu PT
LCO	Longmont, Tingkat 1, hujung utara Main Street	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu MT
SHK	Shakopee, Tingkat 2, sebelah utara Main Street di seberang Boundary Waters Conference Room	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu CT
SHG	Shugart Building, Level 2 Link Bridge	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu SGT
WUX	Wuxi Building 102, Level 2	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu SGT
KOR	Korat Building 1, Tingkat 2	Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi hingga 5:00 petang waktu SGT

KESEDIAAN PEKERJA UNTUK BEKERJA DI TAPAK OPERASI

Pengisytiharan Kesihatan Harian

Proses Pemeriksaan Suhu

Kelengkapan Perlindungan Diri untuk
Kakitangan Barisan Hadapan Kita

Pelitup Muka dan Penutup Muka

Pengisytiharan Kesihatan Harian

**SEMUA PEKERJA,
KONTRAKTOR
DAN PELAWAT DI
TAPAK OPERASI
DIKEHENDAKI
UNTUK
MELENGKAPKAN
PENGISYTIHARAN
KESIHATAN
SEBELUM
MELAPOR
BEKERJA DI
KEMUDAHAN
SEAGATE SETIAP
HARI.**

Pengisytiharan Kesihatan ialah soal selidik dalam talian atau kertas bercetak yang akan menilai risiko dan gejala pendedahan COVID-19 anda.

Anda akan diminta untuk mengemukakan pengesahan Pengisytiharan Kesihatan anda ketika cuba memasuki kemudahan.

Proses Pengisytiharan Kesihatan ini direka sebagai langkah pencegahan untuk menjaga keselamatan anda dan rakan sekerja anda. Penting untuk memberikan respons dengan jujur dan memilih untuk duduk di rumah jika anda mengalami gejala atau risiko pendedahan kepada COVID-19. Soalan tentang Pengisytiharan Kesihatan akan merangkumi:

Gejala

- Adakah anda mengalami sebarang gejala COVID-19 seperti batuk, sesak nafas atau kesukaran bernafas, demam, menggigil, kelesuan, sakit otot atau badan, sakit kepala, baru kehilangan rasa atau bau, sakit tekak, kesesakan atau hidung berair, mual, muntah atau cirit-birit?

Pendedahan

- Adakah anda telah didiagnosis sebagai kes COVID-19 yang disahkan oleh makmal atau kemungkinan/barangkali kes COVID-19 oleh pihak berkuasa perubatan?
- Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan sebarang kes COVID-19 yang disahkan atau disyaki?

Perjalanan

- Adakah anda pernah membuat perjalanan ke, dari atau melalui kawasan berisiko tinggi? (Sila rujuk kepada CDC, WHO atau Pusat Sumber Pekerja Koronavirus untuk mendapatkan maklumat lanjut)

Keperluan Kawal Selia Tapak Operasi/Serantau

- Kerajaan tempatan dan pihak berkuasa kesihatan mungkin mempunyai sekatan dan syarat tambahan yang mungkin disaring dalam Pengisytiharan Kesihatan



Pengisytiharan Kesihatan Harian

Pasukan Kesihatan Pekerjaan (OH) tapak operasi anda, pasukan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) atau pasukan Sumber Manusia (HR/HRC) boleh meminta penjelasan tambahan tentang respons anda terhadap soalan Pengisytiharan Kesihatan. Maklumat ini bersama dengan panduan dari CDC dan WHO akan digunakan untuk menentukan:

- Jika anda perlu mengasingkan diri di rumah
- Jika anda perlu membuat susulan dengan penyedia penjagaan kesihatan anda atau organisasi kesihatan awam
- Jika anda boleh kembali bekerja di tapak operasi

Untuk perincian tentang pengasingan dan cuti pandemik, pekerja boleh merujuk Pusat Sumber Pekerja Koronavirus. Pelawat dan kontraktor mungkin tidak diberikan akses ke kemudahan Seagate jika menunjukkan faktor risiko tinggi yang disenaraikan di atas.

Cara Pengisytiharan Kesihatan Berfungsi pada Telefon Pintar atau Komputer Anda (untuk tapak operasi dengan kod QR)

Penggunaan telefon pintar anda untuk melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan anda bersifat pilihan di beberapa tapak operasi, jika anda mempunyai ID Global ("GID") Seagate. Sekiranya anda mempunyai GID, anda boleh menggunakan telefon pintar anda untuk mengimbas kod QR yang akan dipaparkan di pintu masuk utama tapak operasi. Kod QR adalah unik untuk setiap tapak operasi dan anda tidak akan dibenarkan memasuki tapak operasi yang lain. Pengisytiharan Kesihatan anda adalah sah untuk membenarkan anda masuk selama 24 jam, dan sistem akan diset semula pada tengah malam.

Individu yang tidak mempunyai GID (seperti kontraktor), atau tidak mempunyai telefon pintar atau lebih suka tidak menggunakan telefon pintar mereka, boleh menggunakan borang kertas yang tersedia di semua tempat masuk.

Arahan untuk Pekerja

Pekerja mesti melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan ini setiap hari SEBELUM memasuki tapak operasi. Jawab semua soalan dengan jujur untuk melakukan pemeriksaan sendiri.

- Sekiranya skrin menunjukkan **HIJAU**, anda boleh memasuki tapak operasi seperti biasa.
- Sekiranya skrin menunjukkan **MERAH**, jangan masuk ke premis pejabat, pergi ke kawasan pengasingan, dan hubungi OH/HRC tapak operasi.

Aplikasi

Setiap tapak operasi akan mempunyai URL tersendiri yang dibezakan mengikut nilai SiteID.

Borang Pengisytiharan Kesihatan dari tapak operasi yang berbeza

Pelayar/Peranti yang Disokong

- Pelayar - Google Chrome, Internet Explorer, Firefox, Safari, dan dll.
- Klien - Windows, Apple Mac, Android, IOS dan banyak lagi

Pengisytiharan Kesihatan Harian

Panduan Menggunakan Borang Pengisytiharan Kesihatan menggunakan Telefon Pintar

- Lancarkan aplikasi Kamera pada telefon pintar anda
- Halakannya pada kod QR di Kod QR Pengisytiharan Kesihatan
- Cari sepanduk notifikasi di bahagian atas (iPhone)/bawah (Android) skrin
- Ketik sepanduk notifikasi untuk membuka Borang Pengisytiharan Kesihatan.

Perhatian: Sekiranya kamera telefon anda tidak menyokong Kod QR asli, anda boleh memuat turun aplikasi pembaca QR (Apps Store/Play Store) ATAU sebagai pilihan lain gunakan URL untuk **Borang Pengisytiharan Kesihatan dari tapak operasi yang berbeza.**

- Log Masuk Menggunakan **SSO dan Kata Laluan Seagate**
- Anda akan melihat Borang Pengisytiharan Kesihatan dengan Soalan - Jawab Soalan dengan memilih butang **YES** (YA) atau **NO** (TIDAK).
- Tekan butang **SUBMIT** (HANTAR) untuk menghantar Borang Pengisytiharan Kesihatan.
- Berdasarkan Jawapan, anda mungkin melihat **skrin MERAH “Tidak dibenarkan bekerja untuk hari itu”** atau **skrin HIJAU “Dibenarkan bekerja pada hari itu”**
- Sekiranya skrin itu HIJAU, teruskan bekerja. Sekiranya skrin itu MERAH, HUBUNGI **kakitangan Kesihatan/HRC** - nombor tertera pada skrin.

Semua pekerja mengikut jam Seagate harus melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan pada awal syif mereka dan bukan sebelum syif mereka untuk memastikan mereka mendapat pampasan untuk masa yang dihabiskan untuk mengisi Pengisytiharan Kesihatan. Pekerja harus menghubungi pengurus mereka sekiranya mereka memerlukan bantuan.

Soalan Lazim Pengisytiharan Kesihatan

Soalan: Mengimbas kod QR tidak menghalakan saya ke halaman log masuk SSO. Apakah yang saya patut buat?

Peranti mudah alih pengguna mesti mempunyai rangkaian tanpa wayar yang mempunyai capaian Internet atau rangkaian data yang aktif.

Soalan: Log masuk SSO tidak berjaya. Apakah yang saya patut buat sekarang?

Pengguna mungkin terlupa kata laluan atau akaun telah tamat tempoh. Hubungi GSD untuk memberikan bantuan masalah kata laluan.

Soalan: Bagaimanakah saya mengimbas kod QR pada telefon saya?

Sila rujuk Cara Mengimbas kod QR pada telefon anda.


Setelah melengkapkan pengisytiharan, anda mesti menunjukkan hasilnya kepada pengawal keselamatan:

- Melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan yang menghasilkan penunjuk hijau menandakan anda berjaya untuk masuk.
- Melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan yang menghasilkan penunjuk merah menandakan anda tidak memenuhi kriteria kesihatan dan anda mungkin tidak dibenarkan masuk.
- Sekiranya anda tidak memenuhi kriteria, tetikap timbul akan memaparkan nama ketua tapak operasi HRC tempatan anda; anda harus menghubungi individu tersebut, memberitahu mereka bahawa pengisytiharan anda telah menyebabkan kemasukan anda ditolak, dan pulang ke rumah.

Setelah Pengisytiharan Kesihatan Dilengkapkan: Langkah Seterusnya


Lampu Hijau:

Bergerak ke Pengimbas Suhu



Lampu Merah:

Ikuti Arahan Hubungan





Proses Pemeriksaan Suhu

Untuk memasuki mana-mana tapak Operasi dan R&D Seagate yang lebih besar, semua pekerja, kontraktor dan pelawat akan dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan suhu tanpa sentuhan. Pemeriksaan suhu juga mungkin diperlukan oleh sesetengah tapak operasi yang disewa kita. Sekiranya peningkatan suhu badan (demam) ditunjukkan, individu itu akan diminta untuk meninggalkan tapak operasi dengan segera, menghubungi pengurus mereka atau Penaja Seagate dan mengikuti semua arahan yang diberi sebelum kembali bekerja. Sekiranya individu tersebut tidak dapat meninggalkan tapak operasi dengan segera, mereka akan diarahkan ke kawasan pengasingan yang ditentukan dan di sana mereka boleh menghubungi pengurus atau Penaja Projek mereka serta mengaturkan pengangkutan.

Melakukan imbasan suhu bagi setiap orang yang memasuki sesebuah kemudahan memungkinkan pengenalpastian pantas bagi orang yang mempunyai suhu badan yang tinggi. Nilai suhu ambang untuk demam berbeza mengikut tapak operasi dan berdasarkan garis panduan kawal selia tempatan:

- Amerika Syarikat - 100.4°F
- Springtown - 37.8°C
- Rantau Asia - 37.5°C

Walaupun bukan semua orang yang demam dijangkiti COVID-19, tetapi demam sering menjadi salah satu gejala apabila dijangkiti. Matlamat pemeriksaan suhu di kemudahan kita adalah untuk mengenal pasti orang yang mempunyai suhu badan yang tinggi dan menasihati mereka untuk pulang ke rumah, memantau gejala mereka, menghubungi penyedia penjagaan kesihatan peribadi mereka untuk mendapatkan arahan/nasihat selanjutnya, jika diperlukan, dan memenuhi kriteria tertentu sebelum kembali bekerja di tapak operasi. Tindakan ini mengurangkan risiko pendedahan kepada pekerja kita daripada terdedah kepada COVID-19.

Untuk tapak operasi tanpa pemeriksaan suhu, pekerja, kontraktor dan pelawat harus bersedia untuk memantau suhu mereka sendiri dan tidak pergi ke tapak operasi jika mereka mengalami suhu badan yang tinggi. Semua pekerja, kontraktor dan pelawat digalakkan untuk mengambil bacaan suhu mereka setiap hari.

Semua pekerja mengikut jam Seagate perlu memulakan proses pengimbasan suhu pada permulaan syif mereka dan bukan sebelum syif untuk memastikan mereka diberikan pampasan untuk masa yang dihabiskan semasa menjalani pengimbasan suhu. Pekerja harus menghubungi pengurus mereka sekiranya mereka memerlukan bantuan.



Kelengkapan Perlindungan Diri untuk Kakitangan Barisan Hadapan Kita

Kakitangan barisan hadapan dilengkapi dengan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang direka untuk melindungi mereka daripada COVID-19. Kakitangan barisan hadapan ialah orang yang mungkin mempunyai kontak rapat dengan virus melalui:

- Berada dalam jarak kira-kira 2 meter dari individu terjejas untuk jangka masa yang lama, dan/atau
- Mempunyai kontak langsung dengan rembesan berjangkit daripada individu terjejas. Rembesan berjangkit boleh merangkumi kahak, serum, darah dan titisan pernafasan.

Fungsi pekerjaan biasa yang dianggap sebagai kakitangan barisan hadapan ialah profesional kesihatan pekerjaan yang memberikan rawatan langsung kepada individu terjejas, kakitangan kebersihan, sesetengah anggota keselamatan dan penggerak balas kecemasan perubatan.

Seagate menyimpan stok bekalan yang mencukupi untuk kakitangan barisan hadapan termasuk disinfektan dan PPE. Latihan akan diberi kepada kakitangan barisan hadapan tentang penggunaan PPE yang betul termasuk memakai dan menanggalkan kelengkapan dengan selamat. Kakitangan barisan hadapan akan diberikan perlindungan mata (cermin mata keselamatan atau pelindung muka), sarung tangan pakai buang dan sekurang-kurangnya topeng pernafasan N95.



Pelitup Muka dan Penutup Muka

Pelitup muka/penutup muka mesti dipakai oleh semua pekerja, kontraktor dan pelawat di semua tapak operasi Seagate. Keperluan ini berdasarkan saranan daripada keperluan kerajaan tempatan, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit A.S. (CDC) dan juga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pelitup muka/penutup muka bermanfaat untuk melambatkan penularan COVID-19 dengan mencegah pemakai tanpa gejala daripada menyebarkan virus kepada orang lain.

Bilakah pelitup/penutup muka diperlukan?

- Kawasan umum - termasuk tetapi tidak terhad kepada pintu masuk, lobi, kawasan rehat, stesen pengimbasan suhu, kafeteria, koridor, bilik persidangan, lif, kawasan pejabat terbuka, stesen salin/cetak, tandas dan bas.
- Kawasan kerja yang dikongsi - termasuk tetapi tidak terhad kepada stesen kerja pelawat, ruang perhotelan, makmal, kawasan gudang dan dermaga, bilik mel, bilik pasukan teras, kawasan kerjasama terbuka, ruang penyimpanan dan bilik fail.
- Kawasan pejabat atau kubikel ketika penghuni lain hadir. Menggunakan meja berdiri di kubikel atau ruang berdiri juga memerlukan pelitup/penutup muka kerana kepala anda melepasi dinding kubikel.


Apakah pengecualian untuk keperluan pelitup/penutup muka?

- Semasa makan atau minum
- Semasa duduk bersendirian di dalam kubikel yang dinding kubikelnya melepasi aras kepala anda
- Semasa di pejabat berdinding keras yang anda merupakan satu-satunya penghuni
- Stesen Kerja Makmal - apabila duduk di stesen kerja makmal yang khusus. Stesen kerja ini tidak boleh dikongsi dengan mana-mana individu lain, mesti mempunyai penyekat yang melepasi aras kepala anda semasa duduk, mesti ditandakan untuk memenuhi keperluan penjarakan sosial dan mesti diperiksa oleh EHS untuk mencegah risiko

Pelitup/penutup muka mesti menutupi hidung dan mulut anda dan dipakai rapi pada muka anda untuk memberikan perlindungan yang terbaik. Sebaik sahaja anda memakai pelitup muka, cuba jangan menyentuhnya kecuali jika perlu. Pada bila-bila masa anda menyentuh pelitup muka anda termasuk apabila memakai dan menanggalkannya, anda harus mencuci tangan anda.

Penting untuk diingati bahawa pemakaian pelitup muka/penutup muka bukanlah pengganti untuk mengikuti langkah-langkah penjarakan sosial yang betul.

Perhatian: Sila berikan perhatian kepada syarat pelitup muka untuk tapak operasi anda kerana sesetengah peraturan kerajaan tempatan mungkin tidak mengizinkan semua pengecualian ini.



Sesiapa yang mempunyai masalah perubatan yang menghalang kemampuan mereka untuk memakai pelitup muka/penutup muka harus menghubungi Pusat untuk Sumber Manusia atau Rakan Perniagaan Sumber Manusia Seagate. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lawati Perkhidmatan Sumber Manusia, [Maklumat Hubungan Pusat untuk Sumber Manusia Global](#).

LANGKAH PENGURANGAN COVID-19 YANG BERKESAN

Apa yang Akan Berlaku jika Seseorang Jatuh Sakit
di Tempat Kerja?

Apa Yang Akan Berlaku jika Seseorang Melaporkan
COVID-19 yang Disahkan atau yang Disyaki (Potensi)?

Pengesanan Kontak Rapat

Memantau Sendiri Suhu dan Kesihatan Anda

Pelawat

Apa yang Akan Berlaku jika Seseorang Jatuh Sakit di Tempat Kerja?

Sekiranya pekerja, kontraktor atau pelawat jatuh sakit atau bergejala semasa berada di tempat kerja, adalah penting untuk individu tersebut mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan, di samping memastikan kesihatan dan keselamatan orang lain di tempat kerja. Jika seseorang sedang mengalami gejala atau mempunyai kontak rapat kepada seseorang yang mengalami COVID-19, individu itu akan segera diasingkan dan harus meninggalkan kemudahan. Sekiranya anda mengalami gejala ketika berada di tempat kerja, anda harus:

- Untuk gejala yang teruk, ikuti protokol rancangan tindak balas kecemasan tapak operasi atau hubungi nombor kecemasan tempatan anda
- Kekalkan jarak 2 meter dari orang lain
- Laporkan kepada klinik Kesihatan Pekerjaan jika ada
- Beritahu Pengurus atau Penaja Seagate atau Bahagian Sumber Manusia anda

Untuk Tapak Operasi **YANG ADA** Jururawat Kesihatan Pekerjaan di Tapak Operasi

Individu terjejas akan diberikan pelitup muka dan dibawa ke kawasan pengasingan yang dikenal pasti.

Individu terjejas akan mengikuti arahan yang diberikan oleh Jururawat Kesihatan Pekerjaan.

Jururawat Kesihatan Pekerjaan dan/atau EHS akan mengumpulkan maklumat daripada individu terjejas untuk menentukan kontak rapat dan kawasan yang mungkin tercemar.

Mereka yang mempunyai kontak rapat dengan individu terjejas akan diberitahu untuk melakukan pemantauan diri terhadap kesihatan mereka.

Untuk Tapak Operasi **TANPA** Jururawat Kesihatan Pekerjaan di Tapak Operasi

Individu terjejas akan diberikan pelitup muka dan akan diminta untuk meninggalkan tapak operasi dengan segera. Sekiranya urusan perjalanan mesti dibuat, individu terjejas akan pergi ke dan duduk di kawasan pengasingan (jika ada) sehingga dibawa keluar dari tapak.

Individu terjejas akan diberikan dokumen maklumat yang memberikan arahan tentang langkah-langkah seterusnya yang harus diambil.

EHS/OH/HRC akan mengumpulkan maklumat daripada individu terjejas untuk menentukan kontak rapat dan kawasan yang mungkin tercemar.

Mereka yang mempunyai kontak rapat dengan individu terjejas akan diberitahu untuk melakukan pemantauan diri terhadap kesihatan mereka.

Perhatian: Semua pihak diharapkan untuk menjaga kerahsiaan individu terjejas



Apa yang Akan Berlaku jika Seseorang Melaporkan COVID-19 yang Disahkan atau yang Disyaki (Potensi)?

Mana-mana individu yang didiagnosis dan disahkan COVID-19 harus melaporkan keadaan mereka secepat mungkin kepada pengurus atau Penaja Seagate mereka. Seagate akan mengesan dan memantau setiap pekerja, kontraktor atau pelawat yang melaporkan bahawa mereka telah disahkan atau disyaki (berpotensi) COVID-19. Apabila kes COVID-19 yang disahkan dilaporkan, tindakan yang berikut akan dilakukan untuk kesihatan dan keselamatan anda:

- Sekiranya berada di tapak operasi, individu terjejas akan diasingkan dengan segera dan perlu meninggalkan tapak operasi secepat mungkin.
- Kawasan kerja individu tersebut akan dikepung untuk menghalang akses dan kawasan itu dibersihkan dan dinyahjangkit.
- Kawasan terjejas di tempat individu tersebut bekerja akan dikepung dengan tanda-tanda amaran untuk mengelakkan kemasukan tanpa izin ke kawasan terjejas sehingga kawasan tersebut dibersihkan dan dinyahjangkit.
 - » Semua kawasan yang digunakan oleh individu terjejas akan dibersihkan dan dinyahjangkit, seperti bilik mandi, kawasan umum, peralatan elektronik bersama, meja, skrin sentuh, papan kekunci dan alat kawalan jauh.
 - » Sekiranya lebih daripada 7 hari telah berlalu sejak individu terjejas melawati atau menggunakan kemudahan, pembersihan dan penyahjangkitan tambahan tidak diperlukan.
 - » Gaun dan beg bilik bersih akan dikeluarkan dan dibuang.
- “Kontak rapat” individu itu dikenal pasti dan diasingkan melalui proses yang disebut sebagai “pengesanan kontak”.
- Maklumat yang dikomunikasikan khusus di seluruh tapak operasi atau kawasan kerja akan diedarkan untuk memberitahu pekerja dan kontraktor tentang kes yang disahkan.

Amat penting bagi pekerja dan kontraktor untuk memberitahu pengurus atau Penaja Seagate mereka sebaik sahaja keputusan ujian diterima untuk memastikan Seagate dapat mengambil tindakan yang wajar tepat pada waktunya.

Pengesanan Kontak Rapat

Sekiranya terdapat laporan kes COVID-19 yang disahkan, bahagian Kesihatan & Keselamatan Alam Sekitar (EHS) atau Kesihatan Pekerjaan (OH) Seagate akan melakukan aktiviti mengesan kontak untuk mengenal pasti mana-mana individu yang mungkin mempunyai kontak rapat dengan individu terjejas kerana individu ini mungkin mempunyai risiko yang lebih besar untuk dijangkiti. Seagate juga akan melengkapkan pengesanan kontak untuk sebarang kes COVID-19 yang disyaki (berpotensi) sebagai tindakan proaktif sekiranya kes yang disyaki kembali dengan hasil ujian positif.

Kontak rapat ialah orang yang berada di dalam lingkungan jarak 2 meter dari individu terjejas sekurang-kurangnya selama 15 minit. Individu terjejas perlu diuji untuk COVID-19 melalui penyedia perubatan mereka. Jika hasil keputusan yang kembali adalah negatif, kontak rapat dibenarkan untuk kembali bekerja. Individu terjejas yang telah diuji dan mempunyai hasil negatif tetap tidak akan dibenarkan berada di dalam bangunan selama sekurang-kurangnya 24 jam sehingga mereka bebas gejala tanpa ubat. Jika hasil keputusan kembali sebagai positif, individu terjejas dan kontak rapat mereka perlu terus mengasingkan diri selama sekurang-kurangnya 10 hari dan perlu bebas daripada gejala selama sekurang-kurangnya 24 jam tanpa ubat sebelum kembali bekerja.

Individu terjejas perlu memaklumkan pengurus mereka atau Penaja Seagate tentang gejala mereka, dengan siapa mereka mempunyai kontak rapat dan pergerakan mereka di seluruh tapak operasi supaya pengurus atau Penaja Seagate kemudiannya dapat memaklumkan EHS atau OH. Ini membolehkan EHS/OH untuk mengenal pasti, memberitahu dan mengasingkan kontak rapat dengan berkesan bagi mengurangkan kemungkinan penularan, serta mengenal pasti individu terjejas untuk perbincangan lanjut dan memulakan proses pembersihan dan penyahjangkitan.





Memantau Sendiri Suhu dan Kesehatan Anda

Semua pekerja jarak jauh dan di tapak operasi digalakkan untuk memantau sendiri suhu badan mereka setiap hari dan melaporkan jika mereka mempunyai suhu badan yang tinggi (demam). Sekiranya pekerja di tapak operasi mempunyai suhu badan yang tinggi (demam), mereka diminta untuk menghubungi pengurus mereka, duduk di rumah dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk sembuh.

- Rantau Amerika & EMEA – 100.4°F/37.8°C
- Rantau Asia – 37.5°C

Cara Mengukur Suhu Anda Menggunakan Termometer Mulut:

1. Basuh tangan anda dengan sabun dan air suam sebelum mengendalikan termometer.
2. Keluarkan termometer daripada bekasnya.
3. Gunakan termometer bersih (dibasuh dengan air sejuk, dibersihkan dengan alkohol gosok (jika ada) dan kemudian dibilas dengan air sejuk).
4. Jangan makan atau minum apa-apa sekurang-kurangnya lima minit sebelum mengambil suhu anda.
5. Hidupkan termometer.
6. Letakkan hujung termometer di bawah lidah ke arah belakang mulut.
7. Tutup bibir anda dengan lembut di sekitar termometer. Jangan menggerakkan atau mengeluarkannya sehingga bunyi bip kedengaran.
8. Setelah diberikan isyarat, keluarkan termometer daripada mulut anda dan baca nombor dalam tingkapnya. Demam merupakan suhu mulut pada atau melebihi 37.8°C (100.4°F) untuk Rantau Amerika & EMEA atau 37.5°C untuk Rantau Asia.
9. Bersihkan hujung termometer (ikuti langkah 3) sebelum menyimpannya kembali ke dalam bekas.



Pelawat

Seagate menghadkan pelawat di tapak operasi seboleh yang mungkin. Semua pilihan lain untuk memenuhi dan mencapai objektif perniagaan harus dipertimbangkan terlebih dahulu menggunakan penyelesaian kerjasama dan maya IT kita untuk berkomunikasi, atau menangguhkan lawatan ke salah satu kemudahan kita. Sekiranya terdapat keperluan yang kritikal untuk perniagaan, Seagate akan meminta pelawat untuk melakukan perkara yang berikut:

- Dapatkan sebarang kelulusan yang diperlukan daripada tapak operasi sebelum masuk
- Lengkapkan Pengisytiharan Kesihatan Harian
- Jalani pemeriksaan suhu semasa masuk (jika berkenaan)
- Pakai pelitup muka/penutup muka
- Ikuti semua protokol COVID-19 Seagate

BEKERJASAMA UNTUK KEKAL SIHAT

Tetap Selamat dan Sihat Semasa Bekerja dari Rumah

Bekerja dari Jauh – Alat Teknologi Maklumat (IT) dan Kerjasama

Keselamatan Semasa Bekerja dari Jauh

Menghentikan Penularan COVID-19: Apakah Peranan Anda?

Panduan EHS untuk Perjalanan Pekerja, Lawatan Pelanggan/Pembekal, Acara dan Perhimpunan

Tetap Selamat dan Sihat Semasa Bekerja dari Rumah

Menguruskan Tekanan dan Kebimbangan dan Menyesuaikan Diri dengan Persekitaran Kerja “Kebiasaan Baru”

Cara yang baik untuk mengurangkan tekanan semasa bekerja dari rumah adalah dengan mengulang semula rutin bekerja di pejabat. Sememangnya amat penting untuk mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan. Berbuat demikian akan membantu anda menjadi lebih produktif dan meningkatkan kualiti kehidupan peribadi dan pekerjaan anda. Untuk keseimbangan pekerjaan dan kehidupan yang sihat, sila ikuti petua yang berikut:

- Jaga kesihatan fizikal dan mental anda
 - » Buat rutin dan pisahkan kerja daripada keluarga - tentukan ruang kerja dan jadual.
 - » Ubah waktu perjalanan menjadi waktu tidur tambahan.
 - » Makan makanan sihat yang seimbang dan kerap bersenam.
 - » Tentukan waktu rehat yang cukup sepanjang hari untuk mendapatkan semula tenaga dan pergi ke luar untuk menghirup udara segar.
 - » Semasa bercuti, pisahkan diri daripada kerja sepenuhnya.
- Luangkan masa untuk interaksi sosial
 - » Berhubung dengan rakan sepasukan anda dan jadualkan waktu untuk bersosial.
 - » Mengambil bahagian dalam webinar interaktif dan panggilan video.
- Bincangkan isu dan masalah
 - » Berkomunikasi dengan pengurus anda jika beban kerja anda adalah terlalu berat atau terlalu ringan.
 - » Minta pertolongan sekiranya tekanan menjadi sangat berlebihan.

Selain menjaga kesihatan dan menguruskan tekanan, terdapat banyak perkara yang anda boleh lakukan untuk menjayakan pengaturai kerja maya sebaik yang mungkin. Untuk menjadikan peralihan kerja dari rumah anda sebagai suatu yang selamat, cekap dan produktif, sila ikuti petua ergonomik ini untuk ruang kerja anda:

PETUA ERGONOMIK UNTUK RUANG KERJA RUMAH ANDA

TOPIK	SARANAN
Ruang yang Ditetapkan	Wujudkan ruang di meja yang boleh dikhususkan untuk penggunaan komputer. Elakkan duduk di atas katil atau sofa semasa bekerja untuk jangka yang lama.

PETUA ERGONOMIK UNTUK RUANG KERJA RUMAH ANDA

TOPIK	SARANAN
Peralatan Persisian – Papan Kekunci, Tetikus dan Monitor	Sekiranya menggunakan komputer riba, gunakan monitor, papan kekunci dan tetikus yang berasingan jika boleh. Jika tiada monitor yang berasingan, letakkan komputer riba di atas tempat letak atau buku-buku untuk meninggikan paparan ke ketinggian yang selesa berhampiran atau pada aras mata. Letakkan paparan sehingga anda dapat membacanya dengan mudah, biasanya dalam jarak 45-75 cm.
Kerusi	Gunakan kerusi dengan penyandar. Untuk kerusi dapur atau ruang makan, masukkan kusyen tempat duduk dan gulungkan tuala lembut atau selimut untuk diletakkan di kawasan bahagian bawah belakang untuk menyokong lumbar.
Pencahayaan	Letakkan komputer anda pada sudut 90 darjah dari mana-mana tingkap. Gunakan pencahayaan bilik dan lampu kerja seperti yang diperlukan di stesen kerja anda.
Telefon	Sekiranya kerja anda melibatkan banyak panggilan semasa menggunakan komputer, gunakan set kepala, fon pembesar suara atau mikrofon/pengaktifan suara. Gunakan audio komputer untuk panggilan persidangan jika boleh.
Rancang Hari Anda	Tetapkan jadual/rutin. Wujudkan proses untuk membuat semakan dengan pasukan anda.
Berehat	Berehat dan bergerak dari komputer anda untuk minum, makan atau melakukan aktiviti lain beberapa minit sekurang-kurangnya setiap jam.
Penilaian Kendiri	Lengkapkan penilaian sendiri ergonomik jarak jauh dalam talian untuk memastikan dan membuat pelarasan yang betul kepada stesen kerja anda.
Peralatan	Bincangkan sebarang keperluan peralatan dengan pengurus anda.



POSTUR DUDUK YANG SALAH


MONITOR
 Sesuaikan jarak dan ketinggian: bagian atas monitor pada aras mata dan condong sedikit.

LENGAN
 Rehatkan bahu, lengan selari dengan lantai. Bengkok minimum di pergelangan tangan.


KERUSI
 Perlu mempunyai sandaran belakang dan tempat letak tangan bersesuaian dengan ketinggian.

KAKI
 Paha selari dengan lantai.

TAPAK KAKI
 Selari dengan lantai, gunakan tempat letak kaki jika perlu.



KEDUDUKAN DUDUK YANG BETUL




KEDUDUKAN BERDIRI YANG BETUL

Bekerja dari Jauh – Alat Teknologi Maklumat (IT) dan Kerjasama

Sepertimana keselamatan adalah penting untuk memastikan kesinambungan perniagaan, kerjasama juga sama pentingnya untuk memacu inovasi di Seagate. Walaupun ramai antara kita tidak lagi dapat bertemu secara bersemuka, kita telah melakukan perkara terbaik seterusnya dengan alat seperti WebEx, Microsoft Teams dan Microsoft Whiteboard untuk persidangan video, perkongsian fail dan kerjasama dalam talian.

Perkhidmatan WebEx

Perkhidmatan WebEx telah menyediakan alat kepada pekerja kita untuk mengekalkan produktiviti dalam “kebiasaan baharu” kita dengan suasana mesyuarat maya dan ciri-ciri pembolehan termasuk desktop, pembentangan dan perkongsian aplikasi.




Amalan terbaik WebEx boleh didapati di bawah:

- Pemilihan opsiyen yang disarankan semasa menyediakan acara WebEx anda boleh didapati [di sini](#)
- Webinar latihan dan helaian maklumat garis panduan WebEx boleh didapati [di sini](#)
- Pastikan anda telah memasang versi terkini untuk Global Protect ([Arahan](#))
- Pastikan anda telah memasang klien WebEx yang terkini pada komputer anda ([Arahan](#))

Microsoft Teams dan Microsoft Whiteboard

Microsoft Teams dan Microsoft Whiteboard ialah penyelesaian kerjasama dalam talian yang selamat dan direka untuk memperkasa setiap pasukan di seluruh Seagate melalui satu hab pusat untuk mesyuarat, sembang dan kandungan. Menawarkan ciri-ciri yang merangkumi persidangan dalaman dan audio dengan rakan sekerja anda, disepadukan dengan Cisco WebEx, bantuan penjadualan, pengambilan nota mesyuarat, perkongsian skrin dan pesanan segera.



Amalan terbaik Microsoft Teams dan Microsoft Whiteboard boleh didapati di bawah:

- Pusat Sumber Microsoft O365 boleh didapati [di sini](#)
- Cara untuk bekerjasama dalam Microsoft O365 (Whiteboard, Teams) boleh didapati [di sini](#)
- Amalan terbaik tentang penggunaan Bilik, Kumpulan dan Saluran Teams boleh didapati [di sini](#)

**Need IT Help? Contact the Global Service Desk 24x7x365**


SeaTel	8-844-3333	Toll Free	1-877-844-3333
International Toll Free	(IDD Code) + 800-0485-3456	International	(IDD Code) + 405-844-3333
 servicedesk@seagate.com			

Keselamatan Semasa Bekerja dari Jauh

Penipuan COVID-19

Malangnya, krisis COVID-19 telah dieksploitasi oleh pihak yang mempunyai niat jahat dengan menggunakan laman web berniat jahat dan kempen memancing data. Berhati-hatilah semasa mengikuti berita berkaitan dengan COVID-19 di Internet dan sentiasa berasa curiga dengan e-mel yang mendakwa berasal daripada sumber yang berwibawa seperti Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Teruslah berwaspada sebagai barisan pertahanan pertama dan terpenting kita untuk Seagate.

Sekiranya anda melihat e-mel yang disyaki sebagai memancing data:



- Pilih “Junk (Sarap)” daripada palang Outlook, dan “Phishing (Memancing Data)”.
- Klik pada “Report (Laporkan)”. Ini akan memadamkan e-mel itu.

Sekiranya anda membuka e-mel memancing data yang disyaki dan mengklik pada pautan, segera hubungi Perkhidmatan Service Desk Global!

Pertimbangan Keselamatan untuk Persidangan Web

Alat persidangan web telah menjadi kebiasaan baharu dalam rutin perniagaan, sekolah dan kehidupan peribadi sepanjang situasi COVID-19. Walaupun alat-alat ini membolehkan tenaga kerja menjadi berkesan dalam persekitaran telekerja, baru-baru ini telah berlaku beberapa eksploitasi keselamatan dan peserta yang tidak diundang mencaroboh masuk ke mesyuarat (pengeboman Zoom). Dengan menggunakan alat-alat kerjasama perusahaan Seagate, WebEx dan Teams dan juga mengikuti beberapa garis panduan akan dapat membantu memastikan keselamatan yang sewajarnya:

- Memantau peserta dalam mesyuarat untuk mana-mana tetamu yang tidak diingini
- Tetapkan kata laluan untuk mesyuarat
- Gunakan “Scheduler (Penjadual)” WebEx dalam bilik peribadi

Petua untuk Kerja dari Jauh

Perkhidmatan WebEx:

- Penganjur mesyuarat perlu **Senyapkan apabila masuk**
- **Hanya kongsi kandungan** yang anda perlukan. Dengan berkongsi aplikasi dan bukan seluruh skrin, anda dapat memastikan bahawa anda mengambil perhatian terhadap tugas yang ada, dan bukan pada notifikasi yang mungkin muncul.

Microsoft Teams:

- Senyapkan peserta (penganjur mesyuarat sahaja)
 - Dalam jadual mesyuarat, pilih “Mute all (Senyapkan semua)”.
- Gunakan Teams untuk menjadualkan, memulakan atau menyertai mesyuarat Teams atau Mesyuarat WebEx (tambah tab WebEx pada Bilik Teams atau Saluran anda).
- Memudahkan urusan untuk mengakses kandungan ‘perlu tahu’: Gunakan **OneNote** atau **ciri Wiki** dalam Microsoft Teams untuk sorotan kandungan penting—mesyuarat susulan, amalan terbaik, matlamat.

Untuk membaca dengan lebih lanjut tentang cara untuk kekal berjaga-jaga apabila menggunakan keselamatan komputer riba dan peranti, sila lawati pautan yang berikut, **Menjaga Keselamatan Komputer Riba dan Peranti**



Menghentikan Penularan COVID-19. Apakah Peranan Anda?

Sekiranya anda mengalami gejala COVID-19 – jangan pergi kerja.

Duduk di rumah dan dapatkan rawatan perubatan jika diperlukan.

Gejala COVID-19 boleh bersifat sederhana hingga teruk dan mungkin muncul 2-14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala mungkin melibatkan demam, batuk, sesak nafas atau sukar bernafas, keletihan, sakit otot atau badan, sakit kepala, baru kehilangan rasa atau bau, sakit tekak, rasa sesak atau hidung berair, mual atau muntah dan cirit-birit.

Tambahan lagi, jika anda pernah mengalami pendedahan yang diketahui atau berpotensi kepada virus itu, bersikap proaktif dan jangan datang ke tempat kerja! Beritahu pengurus anda secepat mungkin.

Untuk menghentikan penularan COVID-19, sila ikuti garis panduan yang berikut:

- Sentiasa amalkan penjarakan sosial dan elakkan kontak rapat dengan orang lain
 - » Jauhkan jarak sekurang-kurangnya 1-2 meter sebanyak mungkin.
 - » Elakkan berjabat tangan dengan orang lain.
- Pakai pelitup/penutup muka
 - » Pastikan anda memakai pelitup muka yang bersih.
 - » Pelitup muka harus menutupi mulut, hidung dan dagu anda.
 - » Elakkan daripada menyentuh pelitup muka anda semasa memakainya.
 - » Tanggalkan pelitup muka anda dengan menarik gelung telinga sahaja.
- Cegah penyebaran kuman
 - » Basuh tangan anda dengan kerap sekurang-kurangnya selama 20 saat dan gunakan pensanitasi tangan.
 - » Elakkan daripada menyentuh mata, hidung dan mulut anda dengan tangan yang tidak dicuci.
 - » Sentiasa tutup hidung dan mulut anda dengan tisu semasa bersin atau batuk, atau gunakan bahagian dalam siku anda pula, kemudian basuh tangan anda dengan segera.
 - » Buang tisu yang digunakan ke dalam tong sampah.
 - » Lakukan pembersihan dan menyahjangkit kawasan kerja anda dengan kerap.



Panduan EHS untuk Perjalanan Pekerja, Lawatan Pelanggan/Pembekal, Acara dan Perhimpunan

Apabila kita mula memikirkan cara untuk berhubung kembali dengan pelanggan, rakan perniagaan dan rakan sekerja di tapak operasi dan di lokasi lain, kita perlu ingat untuk terus mengikuti protokol dan amalan kita supaya tetap selamat dan sihat. Perjalanan perniagaan tidak digalakkan dan menjadi kritikal untuk perniagaan hanya dengan kelulusan daripada pihak pengurusan anda. Mesyuarat maya harus dilakukan sekiranya boleh.

Sekiranya anda perlu membuat perjalanan, menghadiri perjumpaan secara bersemuka, melawati lokasi bukan Seagate atau menghadiri acara berkumpulan atau perhimpunan, anda hendaklah sentiasa:

- Pertimbangkan sama ada perjumpaan itu dapat dilakukan secara maya
- Menghormati dan mengetahui sebarang keperluan kesihatan dan pelawat di tapak operasi bukan Seagate itu.
- Mengamalkan penjarakan sosial/selamat.
- Memakai pelitup/penutup muka
- Segera memberitahu pengurus anda jika anda menerima notis bahawa anda mungkin terdedah kepada COVID-19
- Basuh tangan anda dan ikuti amalan kebersihan yang betul
- Hadkan perkhidmatan makanan kepada pilihan makanan yang telah dibungkus lebih awal – tiada sajian makanan buffet/gaya keluarga.

Ingatlah bahawa anda dikehendaki untuk melengkapkan Pengisytiharan Kesihatan Harian dan mungkin diasingkan sebelum kembali ke tapak operasi Seagate anda.

Garis panduan EHS untuk Acara Berkumpulan Semasa Pandemik

PAUTAN DAN SUMBER UTAMA

[Dasar Pengguna Akhir Peralatan Teknologi Maklumat \(IT\)](#)

[Garis Panduan Perjalanan Koronavirus](#)

[Kesedaran COVID-19](#)

[Pusat Sumber Pekerja Koronavirus dan Pautan Utama
\(CDC dan WHO\)](#)

[Soalan atau Kebimbangan](#)

[Soalan Lazim Koronavirus Syarikat](#)



Dasar Pengguna Akhir Peralatan Teknologi Maklumat (IT)

Peningkatan kaedah telekerja disebabkan oleh COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk sokongan Teknologi Maklumat (IT) daripada Perkhidmatan Service Desk Global (“GSD”) kita, Pasukan Perkhidmatan Tapak tempatan, dan Teknologi Maklumat korporat (secara kolektif “Seagate IT”) untuk pengguna akhir Seagate. Pasukan Seagate IT bersedia untuk menjawab semua kebimbangan pengguna akhir Seagate termasuk masalah yang berkaitan dengan kerosakan fungsi perkakasan, permintaan perkakasan baharu, dan keselamatan.

- » Untuk melihat dasar yang lengkap, sila lawati [07-607 IT End Users Equipment Policy \(Polisi Pengguna Akhir Peralatan IT\)](#)
- » Untuk mengetahui Perkhidmatan Pengguna Akhir, sila lawati [Perkhidmatan Pengguna Akhir – Sokongan](#)



Garis Panduan Perjalanan Koronavirus

Perjalanan perniagaan tetap tidak digalakkan dan tiada tempahan perjalanan perniagaan baharu yang dibenarkan tanpa persetujuan pihak pengurusan. Sila nilaikan semua perjalanan untuk memastikan perjalanan itu kritikal untuk perniagaan dan jalankan mesyuarat maya sebanyak yang mungkin.

Anda boleh melihat maklumat berkaitan dengan Garis Panduan Perjalanan Koronavirus, dengan melawati pautan di bawah:

- » [Garis Panduan Perjalanan Koronavirus](#)



Kesedaran COVID-19

Seagate sentiasa mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan semua pekerja. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap keselamatan semua pekerja, Seagate melancarkan modul latihan yang memberikan gambaran keseluruhan tentang protokol bermanfaat yang telah disusun supaya tetap selamat dan produktif semasa pandemik.

Latihan ini memberikan garis panduan tentang:

- Langkah-langkah yang diambil oleh Seagate untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan komuniti global kita – bagi mereka yang bekerja di tapak operasi atau secara telekerja.
- Perincian penjarakan sosial, pengesanan kontak, peningkatan pembersihan dan langkah-langkah lain yang kita ambil di setiap kemudahan Seagate.
- Kepentingan pekerja menjaga kesihatan mereka dan orang di sekeliling mereka.

Sila lihat di bawah untuk latihan yang dilengkapi dengan penerangan dan versi PDF yang diterjemahkan:

- » [Latihan Kesedaran Covid-19 - AS & EMEA - Latihan Dilengkapi Penerangan](#)
- » [Latihan Kesedaran Covid-19 - Asia - Bahasa Inggeris - Latihan Dilengkapi Penerangan](#)
- » [Latihan Kesedaran Covid-19 – PDF Terjemahan Bahasa Cina Ringkas](#)
- » [Latihan Kesedaran Covid-19 – PDF Terjemahan Bahasa Thai](#)
- » [Latihan Kesedaran Covid-19 – PDF Terjemahan Bahasa Melayu](#)



Pusat Sumber Pekerja Koronavirus dan Pautan Utama

Untuk mendapatkan maklumat tentang petua telekerja, garis panduan perjalanan, pengumuman tapak operasi dan sumber, serta banyak lagi, sila layari:

- » [Pusat Sumber Pekerja Koronavirus](#)

Pautan Syarikat Utama

- » [Pernyataan Privasi](#)
- » [Hubungan Pusat untuk Sumber Manusia Global](#)
- » [Hubungan Serantau dan Tapak Operasi](#)
- » [Garis Panduan Perjalanan Koronavirus](#)
- » [Petua Telekerja](#)
- » [Seagate4Good](#)

Pautan Teknologi Maklumat (IT)

- » [Perkhidmatan Teknologi Maklumat \(IT\)](#)
- » [07-607 IT End Users Equipment Policy \(Polisi Pengguna Akhir Peralatan IT\)](#)

Pautan Kerajaan

- » [Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit \(CDC\)](#)
- » [Pertubuhan Kesihatan Sedunia \(WHO\)](#)



Soalan atau Kebimbangan

Keutamaan Seagate ialah kesihatan dan keselamatan semua pekerja, kontraktor serta pelawat, dan kita mengalu-alukan semua soalan atau komen supaya kita dapat membantu menangani masalah anda dengan sebaik-baiknya.

Anda boleh mengakses maklumat berkaitan COVID-19 dengan melayari [Pusat Sumber Pekerja Koronavirus](#). Anda juga boleh bercakap dengan individu hubungan serantau atau tapak operasi anda ataupun Hubungan Sumber Manusia Global kita yang tersenarai dalam “Hubungan Bermanfaat” di Pusat Sumber Pekerja Koronavirus kita.

Soalan Lazim Koronavirus Syarikat

Senarai soalan lazim tentang COVID-19 dan jawapan yang tersedia boleh didapati dengan melawati pautan di bawah, yang terdapat di Pusat Sumber Pekerja Koronavirus kita.

» [Soalan Lazim Koronavirus Syarikat](#)